

03 OKTOBER 2017

Polis Pulau Pinang lupus dadah RM10.48 juta, bongkar 19 makmal

Polis Pulau Pinang lupus dadah RM10.48 juta, bongkar 19 makmal

KEPALA BATAS 2 Okt. - Sebanyak 19 makmal memproses dadah berjaya dibongkar polis negeri ini dalam tempoh dua tahun pada 2015 dan 2016 melibatkan rampasan pelbagai jenis dadah.

Selain itu, sebanyak 2,979 *street pushers* atau pembekal dadah kepada orang atasan telah berjaya ditangkap di bawah Seksyen 12 (2) dan Seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 sepanjang tempoh sama.

Pemangku Ketua Polis negeri, Datuk Roslee Chik berkata, sebanyak 2,692 atau 98.5 peratus kes di bawah kategori bekalan meliputi Seksyen 39 B, 39 A (2) dan 39 A (1) turut berjaya didakwa di mahkamah.

"Ini membuktikan polis Pulau Pinang amat serius membanteras gejala ini selain turut menghapuskan permintaan dadah atau penagih di seluruh negeri dengan pelbagai operasi dijalankan," ka-

tanya.

Beliau ditemui pemberita selepas menyerahkan pelbagai jenis dadah kepada syarikat Kualiti Alam Sdn. Bhd. (Kualiti Alam) untuk dimusnahkan di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Majlis penyerahan dadah bernilai lebih 10.48 juta meliputi dadah jenis ganja, syabu, ketamin, heroin, pil erimin 5, pil psikotropik serta air ketum itu diadakan di Stor Berpusat Ibu pejabat Polis Daerah Seberang Perai Utara di sini hari ini.

Roslee menjelaskan, dadah berkenaan merupakan sebahagian barang kes daripada 891 kes antara tahun 2000 hingga tahun lalu yang telah diselesaikan pihaknya.

Menurutnya, antara dadah yang dimusnahkan adalah ganja seberat 50.2 kilogram (kg) yang bernilai RM12,480, 20.5kg syabu (RM1,435,000), 2kg ketamin (RM90,000) dan 25.6kg heroin

(RM627,200).

"Selain itu turut dilupuskan ialah pil erimin 5 sebanyak 527,830 biji bernilai RM7,917,450, 1,820 biji MDMA (RM64,050), 37,800 biji pil psikotropik (RM226,800) serta 70.1 liter air ketum (RM701.20).

"Kita turut melupuskan pelbagai bahan kimia cecair dan serbuk yang digunakan bagi memproses dadah seperti cecair etanol, asid kimia, klorofom, kafein dan sodium sulfat," ujarnya.

Ditanya mengenai proses pelupusan itu, Roslee berkata, dadah yang dimusnahkan adalah barangan berjadual yang perlu dilupuskan secara baik.

Oleh itu, kata beliau, pihaknya yakin dengan kemampuan syarikat Kualiti Alam mengendalikan mesin melalui kaedah itu yang lebih cekap, selamat dan menjimatkan kos meskipun ini pertama kali polis membuat pelupusan dengan cara tersebut.



ROSLEE CHIK (dua dari kiri) bersama Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Pulau Pinang, Superintenden Maidu Abu Bakar (tiga dari kiri) dan Pemangku Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Superintenden Abd. Aziz Daud (kiri) menunjukkan sebahagian daripada pelbagai jenis dadah yang bakal dimusnahkan di Kepala Batas, Pulau Pinang, semalam. - UTUSAN/AZMAN ASMYATIM